

# 651,135 muat turun buku teks digital sejak 13 Januari

**Kuala Lumpur:** Muat turun buku teks digital di aplikasi, KPM eTextbook Reader dibangunkan Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Perbadanan Kota Buku (PKB), meningkat daripada 349,521 kepada 1,000,656 sepanjang 11 hari lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif PKB, Mutualib Uthman, berkata peningkatan ketara bagi muat turun itu berlaku sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak minggu lalu.

“Sebanyak 651,135 muat turun buku teks digital dilakukan di aplikasi KPM eTextbook Reader sejak 13 Januari lalu hingga hari ini (semalam) dan kami menangkakkan jumlah ini terus meningkat.

“Jumlah pengguna aplikasi ini juga bertambah hampir 190,000 sepanjang tempoh itu daripada 158,408 kepada 347,822 hari ini (semalam),” katanya ketika dihubungi *BH*.

Mutalib berkata, pelajar yang memuat turun KPM eTextbook Reader boleh mengakses buku teks digital yang disediakan dengan menggunakan telefon pintar dan tablet pada bila-bila masa.

Buku teks digital melalui aplikasi ini hanya perlu dimuat turun sekali sahaja dan kemudian boleh dibaca secara ‘offline’.

“Setakat ini, KPM eTextbook Reader hanya mengandungi buku teks digital bagi pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 manakala buku teks digital bagi pelajar sekolah rendah dijangka dimuat naik mulai 13 Februari ini.

“Aplikasi ini sebenarnya sudah dibangunkan sejak 2019 bagaimanapun muat turunnya naik mendadak selepas pelaksanaan PKP yang pertama, Mac tahun lalu.

“Kami meminta pengguna supaya memanfaatkan penggunaan buku teks digital yang disediakan secara percuma oleh kerajaan melalui platform KPM eTextbook Reader dan berhenti membeli buku teks digital cetak rompak yang dijual di platform e-dagang,” katanya.

KPM eTextbook Reader adalah aplikasi pembaca bukan komersial yang menyediakan fail EPUB untuk pendidikan rendah dan menengah di negara ini.

Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma melalui Google Play Store atau Apple App Store dan direka khas bagi menyokong kandungan multimedia serta berkeupayaan mudah alih.